

**UCAPAN YAA KETUA HAKIM NEGARA
SEMPENA
MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN TAAT
SETIA
HAKIM BESAR SABAH DAN
SARAWAK
25.2.2020**

YAA Dato' Rohana binti Yusuf,
Presiden Mahkamah Rayuan,

YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed,
Hakim Besar Malaya;

YAA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim,
Hakim Besar Sabah dan Sarawak;

Yg. Berbahagia Tan Sri Tommy Thomas,
Peguam Negara Malaysia;

YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar,
Ketua Hakim Syarie;

YA Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah
Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-
Pesuruhjaya Kehakiman;

Yg. Berbahagia Dato' Mah Weng Kwai,
Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Yg. Berusaha Tuan Ahmad Terrirudin bin Mohd. Salleh,
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;

Yg. Berusaha Encik Qalam Zainuddin bin Sani,
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Yg. Berbahagia Datuk Abdul Fareed bin Abdul Ghafoor,
Yang Dipertua Majlis Peguam Malaysia;

Para tetamu, pegawai-pegawai kehakiman, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuhu dan salam sejahtera.

[1] Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya juga, dapat kita bersama-sama hadir di majlis Angkat Sumpah Jawatan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, pada petang ini.

[2] Bagi pihak Badan Kehakiman Malaysia, saya menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustain Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Mustain Billah atas pelantikan YAA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

[3] Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir bin Mohamad, kerana telah menerima cadangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berkaitan dengan pelantikan ini. Penerimaan YAB Perdana Menteri mengenai cadangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman menunjukkan YAB Perdana Menteri mendukung kebebasan Badan Kehakiman sebagaimana termaktub di bawah seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009.

[4] Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YAA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim atas pelantikan YAA sebagai Hakim Besar Sabah dan

Sarawak. Izinkan saya juga untuk merakamkan penghargaan Badan Kehakiman kepada Tan Sri Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah atas khidmat beliau sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Bagi pihak diri saya dan Badan Kehakiman Malaysia, saya mengucapkan selamat bersara kepada Tan Sri Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

[5] Terdapat beberapa upacara pelantikan hakim-hakim dan angkat sumpah jawatan pada tahun lalu. Pada semua upacara tersebut, saya sentiasa menekankan bagaimana saya dan Badan Kehakiman melihat kebebasan Badan Kehakiman dan keperluan untuk menegakkan keadilan bukan hanya dari aspek substantif tetapi juga dari segi prosedur.

[6] Saya ingin menekankan sekali lagi betapa pentingnya konsep akauntabiliti, ketelusan dan keadilan. Secara ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa adalah penting dalam memutuskan para hakim hendaklah

berpegang teguh kepada prinsip undang-undang, bebas dari apa-apa pengaruh, dorongan, tekanan, ancaman atau gangguan, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pihak atau kumpulan. Hakim-Hakim tidak perlu menunjukkan taat setia kepada mana-mana individu mahupun kumpulan tertentu tetapi hanya perlu taat kepada prinsip kedaulatan undang-undang.

[7] Saya juga sering menekankan kepentingan orang awam mempunyai keyakinan terhadap kebebasan Badan Kehakiman. Dalam isu ini, pihak media memainkan peranan yang besar.

[8] Kebelakangan ini, Badan Kehakiman sering dikritik terutamanya melibatkan kes-kes berprofil tinggi. Kritikan yang dibuat mempersoalkan integriti hakim mewujudkan anggapan bahawa Mahkamah berat sebelah kepada litigan-litigan tertentu. Hakikatnya adalah bahawa Mahkamah tidak berpihak kepada mana-mana litigan. Pihak plaintiff atau defendant, pendakwa raya atau tertuduh diberi layanan sama rata di Mahkamah.

[9] Keyakinan orang awam akan terhakis apabila integriti hakim dan Badan Kehakiman dipersoal tanpa asas.

[10] Pada zaman kini, media sosial memainkan peranan yang cukup besar. Apa jua pelaporan yang berat sebelah dan tidak tepat terhadap prosiding di Mahkamah dan salah nyataan akan secara langsung memberi kesan negatif terhadap Badan Kehakiman dan sistem keadilan negara. Oleh itu, pihak media secara khususnya perlu memastikan pelaporan dibuat dengan tepat dan objektif. Adalah amat mendukacitakan apabila pihak media mengambil jalan mudah dengan memberi komen-komen yang sensasi dan tidak tepat tanpa mengambil kira keseluruhan keadaan dengan tujuan untuk menambah bilangan pembaca.

[11] Salah satu contoh pelaporan yang tidak objektif adalah saranan bahawa Mahkamah dan hakim harus tertakluk kepada penilaian berterusan. Pada hemat saya, komen sebegini tidak bertanggungjawab dan mempersoalkan integriti para hakim dan secara amnya

merupakan satu *clarion call* untuk memusnahkan kebebasan Badan Kehakiman iaitu satu-satu badan yang bertanggungjawab untuk melindungi Perlembagaan Persekutuan dan hak-hak asasi rakyat.

[12] Justeru, adalah harapan saya agar para wartawan, sama ada dari media *mainstream* atau media social lebih bertanggungjawab melaporkan prosiding di Mahkamah berdasarkan fakta dan bukan berdasarkan pemerhatian atau pandangan subjektif pihak tertentu.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

[13] *The times we are living in are indeed challenging. The provisions of our Federal Constitution are being stretched and tested to the limits and it is in times like these that the Judiciary must remain impartial and ever ready to deliver justice according to the Rule of Law.* Badan Kehakiman mestilah sentiasa bebas dan tidak perlu menjawab kepada mana-mana pihak kecuali kepada undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan. Badan Kehakiman akan

terus melantik hakim berdasarkan kualiti, karakter, *judicial temperament*, dan lain-lain merit. Walau apa pun kritikan yang dilemparkan terhadap Badan Kehakiman, saya menyeru para hakim untuk sentiasa melaksanakan tugas dengan jujur dan adil.

[14] Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim atas lantikan YAA sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Saya yakin YAA dan semua hakim akan terus menjalankan tugas-tugas dengan komitmen yang tinggi.

Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.